

Dr. M ajak tentang blok perdagangan Barat

China diperlakukan

11 AM 16 JUN 1993



— rupa ONLINE

KHALID MOHD.

Melaporkan dari
BEIJING

B EIJING 15 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak China dan negara-negara Asia Timur yang lain bersatu menentang blok-blok perdagangan Barat supaya pasaran dunia tidak terhad kepada puak tertentu sahaja.

Perdana Menteri mengingatkan, sekiranya Eropah dan Amerika Utara menutup pasaran mereka, negara-negara seperti Malaysia dan China sudah tentu akan menanggung akibat buruk.

Beliau berkata, blok-blok perdagangan seperti Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) dan Kesatuan Eropah (EC) sebenarnya

adalah yang bercanggah dengan prinsip perdagangan bebas.

Dr. Mahathir menegaskan demikian dalam sesi soal jawab dengan ahli-ahli perniagaan terkemuka China di majlis perjumpaan antara usahawan-usahawan Malaysia dengan rakan-rakan mereka di sini hari ini.

Kata Perdana Menteri: "Jika sudah tiada lagi perdagangan bebas, pembangunan negara-negara seperti China dan Malaysia boleh terbantut."

Dalam hubungan ini, beliau menegaskan, negara-negara Asia Timur tidak mempunyai pilihan melainkan bersatu sebagai satu kumpulan dan

■ Lihat muka 2

U.M. 16 JUN 1993

Tentang blok perdagangan Barat: China diperlukan

mengambil pendirian dan pendekatan yang sama bagi menghadapi gejala blok perdagangan ini.

Dr. Mahathir yakin jika negara-negara Asia Timur dapat bersatu, suara mereka pasti didengar oleh Barat "kerana kita juga kuat dari segi ekonomi."

Atas sebab inilah, katanya, Malaysia menganjurkan pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang berupa forum bagi membincangkan dan mencari pendekatan bersama dalam menghadapi pancaroba ekonomi dunia hari ini.

"Masalah hari ini ialah kita sedang menghadapi semakin banyak blok perdagangan yang semakin memerlukan kita bersatu menentanginya," tegas beliau.

Perdana Menteri mengingatkan, tugas berat ini adalah amat sukar dihadapi secara bersendirian.

China sebelum ini telahpun menyatakan pendiriannya menyokong EAEC dan sokongan ini diberikan sekali lagi, semasa Dr. Mahathir berunding dengan Perdana Menteri, Li Peng di sini semalam.

EAEC kini sudah menjadi projek ASEAN.

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, adalah tidak adil bagi Barat mengenakan berbagai-bagai tekanan ke atas negara-negara membangun sedangkan tiada siapa yang memerhati atau memperdulikan apa yang mereka sendiri lakukan.

Apa yang lebih buruk, ujar beliau, ialah tiada siapa yang dapat mengambil sebarang tindakan ke atas mereka apabila mereka dengan begitu ketara melanggar kod perdagangan mereka sendiri.

Bagaimanapun, tam-

bah beliau sebarang keistimewaan yang hendak mereka berikan kepada negara-negara membangun selalunya dibuat dengan 'mengaambil kira perkara-perkara lain yang tidak ada kena-mengena dengan perdagangan seperti soal hak pekerja dan pengurusan hutan.

Dr. Mahathir berkata, China, sebagai sebuah negara besar yang sedang bergerak maju sehingga disifatkan sebagai bakal sebuah kuasa besar ekonomi, perlu mengambil peranan utama membawa negara-negara Asia Timur ke dalam satu ikatan yang kuat bagi menghadapi Barat dan menjadikan EAEC suatu realiti.

EAEC dengan sokongan kuat China, ujar Perdana Menteri, akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk bukan sahaja menguruskan hal ehwal ekonomi

rantau ini, tetapi juga hal ehwal politiknya.

Menurut beliau, kepepatan pembangunan dalam China sendiri sudah tentu akan memberi kesan positif ke atas ekonomi rantau ini keseluruhannya.

Malaysia, katanya, menaruh kepercayaan terhadap pembangunan ekonomi China dan ini terbukti dengan pelaburan yang telahpun dibuat oleh 37 buah syarikat Malaysia di sini sejak China mengemukakan dasar pintu terbuka kepada pelaburan asing.

Hari ini, dengan disaksikan oleh Perdana Menteri, 24 lagi memorandum persefahaman ditandatangani di antara pihak swasta Malaysia dan China bagi pelaburan dalam berbagai-bagai bidang.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir juga memengetahui usahawan-usaha-

wan China melabur di Malaysia dalam industri berteknologi tinggi di mana kepakaran mereka sudahpun terbukti. Ini juga akan membolehkan berlaku pemindahan teknologi.

Dari segi perdagangan pula, beliau menarik perhatian betapa Malaysia boleh menjadi pintu masuk barangan China ke pasaran ASEAN yang mempunyai 340 juta penduduk.

Sementara itu, Dr. Mahathir memberi jaminan kepada ahli-ahli perniagaan China bahawa Malaysia akan mempermudah urusan pengeluaran visa kepada mereka dalam usaha menggalakkan kegiatan ekonomi serta perdagangan termasuk hubungan sesama rakyat. — Utusan.